

MEMBENTUK KELUARGA BAHAGIA DEMI KESEJAHTERAAN REMAJA

Oleh Noraziah Mohd Amin

LIRIK lagu berjudul, "Keluarga Bahagia" dendangan kumpulan nasyid, Saujana yang antara lainnya berbunyi, "Ketika insan lain berbahagia bersama keluarga. Namun kita masih meniti titian rapuh perhubungan" menyampaikan mesej betapa hubungan kekeluargaan yang lemah dapat mewujudkan rasa tidak bahagia dalam diri individu. Namun begitu, adakah kita sedar tentang erti sebenar keluarga bahagia yang diimpikan oleh setiap insan? Adakah tindakan yang dapat kita lakukan untuk merealisasikan impian ini?

Menurut Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), istilah, "keluarga" didefinisikan

sebagai, "sebuah unit asas sosial yang membekalkan sumber manusia untuk pembangunan serta menjamin kesinambungan insan sebagai generasi akan datang."

LPPKN merupakan sebuah organisasi yang sentiasa membantu masyarakat mewujudkan suasana yang harmoni dan bahagia dalam setiap keluarga di Malaysia melalui kempen dan program termasuklah Program, "Utamakan Keluarga: Semakin Hari Semakin Sayang" yang telah dilancarkan oleh Perdana Menteri Malaysia Ke-4, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamed pada 31 Julai 2002. LPPKN menyarankan 10 prinsip yang dapat diamalkan dalam usaha untuk mengutamakan keluarga iaitu kasih sayang, ceria bersama keluarga, komunikasi efektif, nilai kekeluargaan, keibubapaan cemerlang, keseimbangan kerjaya dan keluarga, keselamatan dan kesihatan, ekonomi keluarga, pendidikan dan kemahiran dan dasar mesra keluarga. Hal ini menunjukkan bahawa pihak kerajaan peka akan pentingnya institusi kekeluargaan dalam membantu pembangunan negara kerana rakyat yang cemerlang dilahirkan dalam keluarga yang harmoni dan sejahtera.

Tidak dinafikan bahawa ibu bapa bertanggungjawab membentuk peribadi anak yang baik bagi memastikan mereka tidak terjebak dengan aktiviti delinkuen seperti sabda Rasulullah SAW yang mafhumnya, "setiap bayi yang dilahirkan adalah fitrah, maka kedua-dua ibu bapanyalah yang berperanan menjadikan bayi tersebut membesar sama ada menjadi seorang Yahudi, Nasrani atau Majusi."

Namun begitu, setiap individu perlu memainkan peranan masing-masing

dalam mewujudkan keluarga bahagia. Anak tidak seharusnya mengharapkan usaha membentuk keluarga bahagia ini perlu diletakkan di bahu ibu bapa sahaja kerana setiap anggota keluarga itu memiliki fungsi yang tertentu dan saling bergantung antara satu sama lain bagi sebuah keluarga yang harmoni. Remaja sebagai golongan yang mempunyai perkembangan minda yang sempurna berbanding kanak-kanak seharusnya bersikap lebih

matang dalam menangani setiap isu kekeluargaan yang timbul dan mengelakkan berlakunya perpecahan keluarga, lebih-lebih lagi warga mahasiswa dan mahasiswi yang berpendidikan tinggi. Hal ini dapat dilakukan dengan memantapkan ilmu pengetahuan tentang kekeluargaan dengan membaca buku berkenaan cara mewujudkan keluarga bahagia dan menyertai aktiviti tentang penerapan ilmu kekeluargaan, sama ada yang disediakan oleh pihak universiti atau lainnya.

LPPKN yang tertakluk pada Akta 352 Akta Penduduk dan Pembangunan Keluarga 1966 (Pindaan 2006) ditubuhkan dengan objektif untuk mengukuhkan dan meningkatkan kesejahteraan keluarga melalui program usaha sama yang cekap dan berkesan ke arah melahirkan penduduk yang berkualiti. Atas dasar ini, LPPKN telah memperkenalkan program untuk golongan pelajar institusi pengajian tinggi termasuklah Modul Pembangunan Keluarga di Institusi Pengajian Tinggi (IPT). LPPKN dengan kerjasama pihak IPT menyediakan modul untuk menghasilkan remaja yang memiliki nilai kekeluargaan yang tinggi. Modul ini merupakan

Psychology - General
 Pg: 8-11
 CFR No: 0000515182
 PSY 2016/A04



Keluarga adalah pemangkin yang menjadi benteng pada ahlinya supaya tidak terjerumus ke kancah masalah sosial.

gabungan modul yang disediakan oleh LPPKN yang meliputi Modul Permata Kasih, Eksplorasi Remaja, SMARTbelanja, SMARTSTART, Bahtera Kasih, Belaian Kasih, Mutiara Kasih dan Pop Komuniti yang merupakan antara kursus kokurikulum di IPT. Aktiviti yang dianjurkan oleh LPPKN melalui Modul Pembangunan Keluarga Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dapat menyalurkan informasi yang berguna kepada remaja untuk mewujudkan keluarga bahagia.

Pengetahuan agama yang lengkap dan amalan agama yang sempurna dapat menjamin keluarga yang bahagia kerana setiap agama menganjurkan perkara yang baik untuk dilakukan oleh penganutnya termasuklah dalam aspek kekeluargaan. Dalam hal ini, ibu bapa perlu membentuk sahsiah diri anak yang baik melalui penerapan unsur keagamaan dalam diri mereka termasuklah rasa hormat terhadap orang yang lebih tua terutamanya ibu bapa mereka sendiri, mematuhi kehendak ibu bapa yang tidak


bertentangan dengan ajaran agama atau norma-norma kehidupan yang sihat.

Remaja merupakan golongan yang mudah dipengaruhi oleh godaan nafsu dan persekitaran serta mudah didorong sikap mengikut perasaan. Jika adanya amalan agama yang kukuh sebagai benteng yang mengawal tindakan yang dapat menjerumuskan diri remaja ke arah tindakan yang memudaratkan, remaja dengan mudah dapat menepis setiap perkara yang dapat memusnahkan hubungan kekeluargaan termasuklah lari dari rumah atau sering berkelahi dengan ahli keluarga.

Ketagihan menggunakan alatan elektronik termasuklah telefon pintar dapat dilihat dalam kalangan masyarakat hari ini lebih-lebih lagi golongan remaja. Media massa banyak memaparkan isu ini demi memberikan kesedaran kepada kita tentang pentingnya komunikasi di antara ahli keluarga termasuklah ketika menikmati juadah bersama berbanding penumpuan terhadap alatan elektronik

di tangan. Namun begitu, isu ini seolah-olah dipandang remeh dan masih lagi berlaku yang tanpa disedari telah menghakik nilai kekeluargaan dan kasih sayang dalam diri apabila wujud jurang antara ahli keluarga akibat kurangnya komunikasi bersemuka. Oleh itu, remaja haruslah berusaha untuk menghasilkan masa berkualiti dengan ahli keluarga dengan mengurangkan penggunaan alatan elektronik sama ada untuk tujuan permainan video berkomputer atau bersosial di laman sosial dan memberi ruang untuk berlakunya komunikasi bersemuka serta aktiviti ramah mesra dengan mengenali ahli keluarga dengan lebih baik tanpa menyibukkan diri bersama alatan elektronik masa kini yang hanya menghakik keakraban antara ahli keluarga.

Kesibukan ibu bapa dengan kerjaya masing-masing tidak seharusnya menjadi alasan untuk remaja³ membiarkan diri dipengaruhi emosi



Masalah yang timbul perlu diselesaikan dengan cara yang baik.

negatif dan memberontak demi menunjukkan rasa protes pada ibu bapa, dengan melakukan perkara di luar batasan moral seperti mengambil minuman keras atau penyalahgunaan dadah berbahaya dan mengunjungi pusat hiburan. Remaja perlu bertindak bijak dengan mengawal emosi dan memahami situasi ibu bapa serta menyelesaikan isu kurangnya perhatian daripada mereka ini dengan pendekatan bicara dari hati ke hati dengan kedua orang tua mereka agar masalah ini dapat diselesaikan secara matang. Hal ini dapat menjamin hubungan kekeluargaan dikekalkan dan masa depan remaja tidak terjejas akibat tekanan daripada masalah keluarga yang sepatutnya dapat diselesaikan secara berhemah.

Komunikasi dua hala yang baik antara anak dengan ibu bapa perlu dipraktikkan dalam keluarga agar tidak berlaku salah faham, prejudis atau depresi

apabila kehendak diri tidak dapat diterjemahkan melalui kata-kata. Memendamkan perasaan dan melarikan diri daripada masalah keluarga hanya dapat menambahkan masalah lama. Menurut Ketua Kaunselor Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS), Norazman Amat seperti yang disiarkan dalam artikel bertajuk, "Komunikasi Berkesana Asas Keharmonian Keluarga" pada 2 Julai, 2007, "Kita menggunakan komunikasi dalam proses mendapatkan zuriat, menyatakan perasaan dan kehendak, membina kemesraan dan kasih sayang, berhibur, mengenali pasangan dengan lebih dekat dan juga untuk membimbing dan mendidik." Oleh itu, remaja perlu bijak mencari pendekatan terbaik dalam menyelesaikan sesuatu isu yang tidak disenangi dalam keluarga mereka melalui komunikasi yang efektif.

Pengaruh media massa sangat memberikan kesan kepada pemikiran dan pandangan remaja terhadap nilai kekeluargaan. Anasir negatif yang

dipaparkan oleh media terutamanya dari negara Barat dapat membentuk sikap individualistik, tidak menghormati ibu bapa, agresif, dan tidak beradab yang dapat mencorakkan remaja menjadi anak yang tidak mementingkan keharmonian keluarga. Sebagai golongan yang berisiko untuk mudah terjebak dengan ideologi negatif yang dibawa oleh Barat dalam aspek fungsi setiap jentera dalam institusi kekeluargaan, remaja harus tahu membezakan antara budaya masyarakat tempatan yang menjunjung sifat ketaatan anak terhadap ibu bapa dengan budaya Barat yang lebih mementingkan sikap kesamarataan taraf antara ibu bapa dengan anak-anak yang menjadikan anak bebas melakukan apa-apa sahaja terhadap ibu bapa mereka atas dasar persamaan status. Hal ini akan menjadikan anak tidak memandang ibu bapa mereka sebagai insan yang harus dihormati dan dipatuhi, dan seterusnya akan mewujudkan ketegangan dalam hubungan kekeluargaan. Oleh hal yang demikian, remaja harus berpegang teguh pada budaya masyarakat Timur agar mereka kenal batas dalam perhubungan mereka dengan ibu bapa dan seterusnya menjaga keharmonian keluarga.

Tunggak utama kejayaan seseorang individu dalam kehidupannya ialah sokongan ibu bapa latar belakang keluarga yang harmoni akan sangat membantu perkembangan minda dan emosinya yang sihat agar individu tersebut dapat berfungsi dengan baik dan menyerlahkan potensi diri dalam masyarakat. Oleh hal yang demikian, setiap warga masyarakat perlu bergandeng bahu membina komuniti yang cemerlang dengan mengukuhkan institusi keluarga kerana keluarga merupakan teras kejayaan individu.

Oleh itu, anak khususnya golongan remaja perlu menanamkan rasa cinta akan keluarga dan mengutamakan keluarga serta sikap bertanggungjawab dalam diri dengan peranan sendiri sebagai salah seorang anggota keluarga yang mampu mencipta keluarga bahagia kerana hanya dengan rasa kasih sayang yang sebenar, setiap ahli keluarga dapat membentuk hubungan yang intim dan sihat. OS